

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 45

Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan Perniagaan Kamil pada 31 Januari 2017

Perniagaan Kamil			
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Januari 2017			
	RM		RM
Kenderaan	38,000	Modal	51,700
Inventori	16,000	Untung bersih	4,200
Akaun belum terima	4,800	Akaun belum bayar	2,100
Tunai	900	Bank overdraf	1,700
	59,700		59,700
	59,700		59,700

Urus-urus niaga di bawah telah berlaku sepanjang bulan Februari 2017:

Tarikh	Urus niaga
2017	
Februari 2	Memasukkan tunai pejabat RM500 ke dalam akaun bank perniagaan.
3	Jualan tunai barang niaga yang berkos RM200 pada harga RM350.
6	Barang niaga yang bernilai RM1,360 didapati rosak dan telah diskrapkan pada harga RM150 secara tunai.
9	Bayar sewa RM800 secara cek.
12	Menerima pinjaman sebanyak RM8,000 dari bank dengan faedah sebanyak RM50 sebulan.
16	Jualan barang niaga secara kredit RM2,040. Kos barang dijual ialah RM1,420.
18	Pulangan barang dari jualan April 16 sebanyak RM140. Kos barang yang dipulangkan ialah RM80.
21	Faedah atas pinjaman telah didebitkan di akaun bank perniagaan.
23	Memasang sebuah alat hawa dingin pada harga RM1,600. Kos pemasangan berjumlah RM300 telah dibayar secara tunai. Harga alat hawa dingin akan dibayar pada bulan hadapan.
25	Hutang lapuk terpulih yang diterima secara tunai RM210.
28	Pemilik telah mengeluarkan barang niaga untuk tujuan peribadi RM250.
28	Menerima cek daripada penghutang sebanyak RM1,800.
28	Arahan tetap telah dilakukan oleh bank bagi pihak perniagaan: Insurans kenderaan perniagaan RM430 Insurans kecurian stok RM500 Insurans nyawa pemilik RM120
28	Membayar gaji pekerja secara cek RM800.

Dikehendaki:

- (a) Melengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan merekodkan semua urusniaga di atas.

	Kende- raan	Keleng- kapan	Akaun belum terima	Inven- tori	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Pinja- man bank	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada Februari 1										
2										
3										
6										
9										
12										
16										
18										
21										
23										
25										
28										
28										
28										
28										
Baki pada Februari 28										

- (b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 28 Februari 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.